

SMK Mutiara, Johan Pertandingan School Lab Peringkat Kebangsaan 2018



Labuan – SMK Mutiara telah mengharumkan nama Labuan dengan memenangi Pertandingan School Lab Peringkat Kebangsaan 2018 bertempat di Mines International Exhibition and Convention Center, Seri Kembangan Selangor.

Pertandingan ini bertujuan memberi peluang kepada murid-murid berkongsi topik dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dengan cara yang menarik dan inovatif melalui penyampaian yang ringkas dan mudah.

Ternyata, persembahan pelajar SMK Mutiara bukan sahaja menarik minat para juri, malah turut mencuit hati penonton yang hadir di pertandingan itu.

Satu persembahan yang sangat kreatif, menarik dan mencuit hati serta padat dengan maklumat. Syabas dan Tahniah

diucapkan !

Hadiah disampaikan oleh Pengarah British Council (Malaysia) Ms. Sarah Deverall.

Anda boleh saksikan persembahan pelajar SMK Mutiara dalam pertandingan School Lab di alamat https://youtu.be/0_oP55UFDSw



Bersama Piala Kemenangan dan Sijil

Berikut adalah keputusan penuh pertandingan tersebut :

Sekolah	SMK Mutiara
Program/Aktiviti	Pertandingan School Lab Peringkat Kebangsaan 2018 bertempat di Mines International Exhibition and Convention Center, Seri Kembangan Selangor
Tarikh	05/11/2018
Anjuran	Kementerian Pendidikan Malaysia Dengan kerjasama British Council (Malaysia)

Kategori	Sekolah Menengah
Peringkat	Kebangsaan
Pencapaian	Johan
Nama Pelajar	1. Khadijah binti Hazmi 2. Mathew Chew Kah Ming 3. Daniel Dean Jayson
Nama Guru Pengiring	Angela Joseph



SISC+ dari W.P. Labuan Mendapat Anugerah Perak Di Konvensyen SIPartners+ Dan

SISC+ Peringkat Kebangsaan



KAJIAN Amalan Terbaik SISC+ dari W.P.Labuan yang bertajuk '*Meningkatkan Tahap Profesionalisme Guru DiBimbing (GDB) Melalui Kajian Tindakan Dengan Menggunakan Borang 12 Langkah*' telah dipilih untuk menerima Anugerah Perak di Konvensyen SIPartners+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 29 hingga 31 Oktober 2018 di Hotel Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan.

Konvensyen yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu platform melalui perkongsian amalan terbaik bagi meningkatkan kemahiran SIPartners+ dan SISC+ serta untuk menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan SIPartners+ dan SISC+ dalam memartabatkan kerjaya masing-masing.



Dari kiri Yusuf Mohamad (SIPartner+), Mohd Nizam Yasim (Koordinator DTP Labuan), Norismah Ab Moin (Pengurus Program DTP Labuan), Suriani Alland Rice Oxley (SISC+) dan Pgn Abdul Kadir bin Pgn Budin, (SISC+)

Sebanyak 31 kertas kajian amalan terbaik telah dibentangkan oleh wakil setiap negeri bagi kategori SIPartner+ dan SISC+ dihadapan lebih dari 300 orang peserta konvensyen. Pasukan dari Wilayah Persekutuan Labuan telah diwakili oleh Norismah Ab Moin (Pengurus Program DTP Labuan), Mohd Nizam Yasim (Koordinator DTP Labuan), Yusuf Mohamad (SIPartner+), Pgn Abdul Kadir bin Pgn Budin, (SISC+) dan Suriani Alland Rice Oxley (SISC+).

Di dalam konvensyen ini, bagi kategori SISC+, wakil pembentang SISC+ Labuan, Suriani Alland Rice Oxley telah berjaya mendapat Anugerah Perak manakala Anugerah Emas pula dimenangi oleh wakil SISC+ dari PPD Kulai, Johor dan Anugerah Gangsa dari PPD Marang, Terengganu. Sementara itu, bagi kategori SIPartner+ pula, Anugerah Emas telah

dimenangi oleh wakil pembentang dari PPD Sarikei, Sarawak, Anugerah Perak oleh wakil PPD Kota Kinabalu, Sabah dan Anugerah Gangsa dari PPD Segamat, Johor. Majlis Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Dr. Amin Senin, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.



Dari kiri, YBhg Datuk Dr. Amin Senin, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (no.5) bersama pemenang Anugerah Emas SISC+ dari PPD Kulai, Johor (no.1&2), pemenang Anugerah Emas SIPartner+ dari PPD Sarikei, Sarawak (no.3), pemenang Anugerah Perak SISC+ dari W.P.Labuan (no.6), pemenang Anugerah Perak SIPartner+ dari PPD Kota Kinabalu, Sabah (no.7), pemenang Anugerah Gangsa SISC+ dari PPD Marang, Terengganu (no.8), pemenang Anugerah Gangsa SIPartner+ dari PPD Segamat, Johor (no.9) di Konvensyen SIPartner+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan.

17 Orang Guru Dibimbing Oleh SISC+ Menyertai Seminar Kajian Tindakan Peringkat W.P. Labuan



Labuan – SATU Seminar Kajian Tindakan Peringkat W.P.Labuan telah diadakan pada 27 Oktober 2018 di Kelab Sri Tanjung, Kem Brooke, Labuan.

Seminar Kajian Tindakan ini merupakan satu program khusus untuk Guru DiBimbing (GDB) yang dibimbing oleh School Improvement Specialist Coaches (SISC+) bagi meningkatkan tahap profesionalisme mereka melalui perkongsian amalan pedagogi terbaik yang dilaksanakan menggunakan strategi

Kajian Tindakan.

Salah satu daripada peranan SISC+ ialah untuk membimbing GDB bagi meningkatkan kualiti pedagogi mereka ke arah meningkatkan kemenjadian murid.

Pelbagai strategi boleh dilaksanakan bagi mencapai tujuan berkenaan seperti Bimbingan Individu, Bimbingan Kelompok, Profesional Learning Community dan Kajian Tindakan.



Cikgu Syafiq Abd Aziz, Cikgu Yusof Mohamad & Cikgu Nor Suziana Amnor dari SMK Mutiara sedang membentangkan kajian tindakan kumpulan mereka.

Strategi Kajian Tindakan (KT) bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kualiti pedagogi GDB malah KT membantu menggalakan GDB untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka melalui amalan pembelajaran sendiri yang berilmiah.

Selain itu, kajian tindakan juga merupakan satu kaedah yang boleh dijadikan rujukan untuk semua guru kerana KT menyediakan data dan evidens sahih mengenai proses perubahan amalan pedagogi GDB yang terbaik.

Seramai 17 orang GDB telah melaksanakan dan membentangkan kajian tindakan mereka di seminar ini. 10 orang GDB telah membentangkan kajian tindakan mereka secara lisan manakala 7 orang GDB lagi membentangkan kajian tindakan mereka secara pembentangan poster.

Di dalam seminar ini, 14 orang GDB telah dibimbing oleh SISC+, Suriani Alland Rice Oxley iaitu Mohd Saifulizzan Bin Mat Yasin, Jamaliah Binti Mohd Said, Noormahfuzah Binti Ramlee, & Emellydah Michael (SMK Labuan), Mohd Khairul Isa & Peterson Peter (SMK T.P.Bedaun), Mariana Mahyuddin & Nurhuda Binti Amir (SK Patau-Patau), Zailiana Zainol (SK Pekan Satu), Nurul Hidayah Umar (SK Pantai), Jasste Valentine Stidi (SK Pekan Dua), Hasnan Mohd Saad (SK.Lubok Temiang), Adrian Romario Andrew (SK Bebuloh) dan Sim Ming Xia (SJKC Chung Hwa).



Cikgu Hasnan Mohd Saad dari SK Lubok Temiang sedang membentangkan kajian tindakan beliau.

Manakala 5 orang GDB lagi telah dibimbing oleh SISC+, Hajah Siti Zahara Mohammad iaitu Syafiq Abd Aziz, Yusof Mohammad & Nor Suziana Amnor (SMK Mutiara), Siti Aisyah Asis (SM ST.Anne) dan Jaya Masir (SMK Labuan).

Menurut kata Penyelaras Seminar Kajian Tindakan, Suriani Alland Rice Oxley (SISC+), “Perkongsian amalan terbaik pedagogi melalui Kajian Tindakan ini akan membuka satu dimensi baru ke arah perubahan pembelajaran sendiri di kalangan warga guru di Labuan”.

Sementara itu, seramai 30 orang guru dari sekolah-sekolah di Labuan termasuk Sekolah Antarabangsa Labuan turut sama menghadiri dan mendengar pembentangan daripada para pembentang.

Seminar ini diakhiri dengan sesi penyampaian sijil kepada para pembentang oleh Ketua SISC+ Labuan, Hajah Siti Zahara Mohammad.

**Lawatan Penandaarasan KPM
ke Program Pendidikan Khas
Intergrasi, SMK Lajau**



LABUAN, 29 Oktober – Seramai 45 orang delegasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Program Pendidikan Khas Intergrasi, Sekolah Menengah Kebangsaan Lajau, Wilayah Persekutuan Labuan.

Lawatan ini diketuai oleh Yang Berbahagia, Datuk Dr. Yasmin binti Hussain, selaku Timbalan Pengarah Cawangan Perancangan dan Penilaian Bahagian Pendidikan Khas, KPM, turut dihadiri Ketua-Ketua Sektor Bahagian Pendidikan Khas dan Ketua-ketua Sektor Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri seluruh Malaysia.

Rombongan diiringi oleh Puan Maimoon Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Di awal lawatan, rombongan disajikan dengan persembahan Angklung daripada pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Lajau, di Dataran Gemilang.



Pelajar-pelajar PPKI SMK Lajau menyambut kedatangan rombongan dengan persembahan Angklung

Encik Jasmi bin Sabtu, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, mewakili Pengetua SMK Lajau, dalam ucapannya, pihak sekolah berbesar hati dan berasa gembira kerana SMK Lajau terpilih sebagai sekolah yang dilawati dalam program ini.

Dalam ucapan balas, Datuk Dr Yasmin binti Hussain, sebagai ketua rombongan turut melahirkan rasa teruja kerana kemeriahan sambutan yang diterima.

Tambahnya lagi, beliau turut terhibur dengan alunan alat muzik angklung yang dimainkan oleh pelajar berkeperluan khas dengan menyatakan guru-guru telah berjaya menerapkan nilai murni dan kemenjadian murid-murid PPKI di sekolah ini.

Sejurus itu, rombongan tersebut dibawa melawat ke kelas Program Pendidikan Khas Intergrasi yang menjalankan kelas KSSM.

Antara projek yang dijalankan ialah Projek Asas Tanaman, Projek Pembuatan Pastru iaitu Cheese Tart, Projek Kraf Tangan, Projek Jahitan, dan Projek Pembuatan Pastru.

Pelajar-pelajar PPKI menunjukkan bakat masing-masing kepada ahli-ahli rombongan.



Puan Maimoon (kanan) bersama ahli rombongan KPM, ketika melawat kelas Pembuatan Pastrri Cheese Tart

Berita Oleh :

Encik Mohd Jamatin Abd. Latip

Pengetua SMK Lajau

**SK Sungai Bedaun dan SK
Bebuloh Jayakan Perkhemahan
Perpaduan 2018**



Pada 19-21 Oktober 2018 (Jumaat hingga Ahad) telah berlangsung perkhemahan perpaduan di Pusat Kokurikulum Negeri, WP Labuan gabungan SK Sungai Bedaun (SKSB) dan SK Bebuloh (SKB) melibatkan 200 orang murid dari Tahun 4, 5 dan 6 dari pelbagai Unit Beruniform, iaitu Pengakap, PBSM, PPIM, dan TKRS.

Pendaftaran Perkhemahan Perpaduan bermula pada jam 2 petang (Jumaat) di Pusat Kokurikulum, WP Labuan. Setelah selesai pendaftaran murid diberikan taklimat keselamatan dan pembahagian kumpulan. Kemudian murid mendirikan khemah.

Sesi Suai Kenal pada sebelah malam telah dikendalikan oleh Puan Norsidah (SKSB) dan Puan Sunarni (SKB) iaitu Guru Bimbingan dan Kaunseling.



Aktiviti peserta perkhemahan – Larian Berhalangan

Pada hari kedua, murid-murid telah dibahagikan kepada 4 kumpulan, bagi mengikuti Aktiviti Berkayak, Ikhtiar hidup, Larian Berhalangan dan Latihan Kebudayaan.

Semua murid terlibat dengan setiap aktiviti yang telah disediakan mengikut jadual penggiliran. Guru-guru dari setiap sekolah telah dilantik untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, jurulatih-jurulatih Pusat Kokurikulum turut membantu dalam mengendalikan aktiviti berkayak dan larian berhalangan.

Manakala, latihan kebudayaan dibantu oleh fasilitator yang telah dilantik dari kalangan guru sekolah masing-masing. Pada sebelah petang, aktiviti diteruskan lagi dengan latihan kawad kaki statik.

Seterusnya, pada sebelah malam, berlangsung pertandingan kebudayaan yang melibatkan 20 kumpulan.



Aktiviti murid-murid SKSB dan SKB – Berkayak

Pada hari Ahad, aktiviti dimulakan dengan Khidmat Masyarakat iaitu membersihkan sekitar Pusat Kokurikulum. Kemudian, raptai untuk majlis penutupan.

Perasmian Majlis Penutupan Perkhemahan Perpaduan telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Tuan Raisin bin Saidin.

Turut hadir Guru Besar SK Sungai Bedaun Puan Dg.Sarifah binti A.Mahmod, Guru Besar SK Bebuloh Tuan Haji Adam, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan JPWPL Encik Hasbollah bin Amit, En. Roziman Sabtu Penolong Pengarah Pusat Kokurikulum, Jurulatih Pusat Kokurikulum, Barisan Penolong Kanan, dan Guru-guru.

Dalam majlis penutupan, murid-murid telah mendapat hadiah dalam pertandingan-pertandingan yang dipertandingkan sepanjang perkhemahan perpaduan. Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Pengarah kepada ketua kumpulan.



Penyampaian hadiah kepada pemenang oleh Tuan Raisin Saidin

Dalam ucapan perasmian penutupan, Tuan Raisin Saidin menyatakan melalui perkhemahan dapat membentuk jati diri yang unggul di samping dapat memupuk sikap bertanggungjawab dan menanam sikap kekeluargaan serta kerjasama dalam ahli kumpulan. Aktiviti secara kolaboratif menggabungkan dua buah sekolah juga wajar diteruskan untuk aktiviti-aktiviti akan datang.

Puan Dg. Sarifah binti A. Mahmud (Guru Besar, SK Sungai Bedaun), mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Semua guru, dan AKP yang telah menjayakan Perkhemahan Perpaduan Kolaboratif SK Sungai Bedaun dan SK Bebuloh pada kali ini.

Sepanjang perkhemahan ini, guru-guru telah menyediakan makanan 6 kali sehari untuk memastikan murid sentiasa bertenaga untuk mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan.

Kumpulan memasak SK Sungai Bedaun diketuai oleh Puan Khadijah binti Tamit dan Puan Yuhana binti Yusuf serta guru-guru dan AKP perempuan turut membantu dalam

menyediakan makanan.

Diharapkan, Objektif Perkhemahan untuk membentuk ketahanan fizikal dan mental ahli Unit Beruniform serta membentuk sikap berdaya saing dalam menempuh pelbagai cabaran dapat dicapai melalui aktiviti yang telah murid-murid lalui sepanjang perkhemahan ini.



KITA MAKAN DULU ! memastikan murid sentiasa bertenaga untuk mengikuti setiap aktiviti.

Berita Oleh :
SK Sungai Bedaun

SMK Lajau Raih Pencapaian Membanggunakan Karnival Kemahiran Pendidikan Khas Kebangsaan 2018



Labuan, Usaha berterusan dan tidak pernah mengenal erti penat akhirnya membuahkan hasil apabila PPKI SMK Lajau yang mewakili Labuan berjaya meraih tempat di dalam Karnival Kemahiran Pendidikan Khas Kebangsaan 2018 yang di adakan pada 22-24 Oktober 2018 di Hotel Tower Regency Ipoh, Perak.

PPKI SMK Lajau mengambil bahagian dalam 3 daripada 11 kemahiran yang dipertandingkan di peringkat kebangsaan iaitu kemahiran Pramusaji, Dekorasi Kek Pengantin Diraja dan Seni Tekat, manakala PPKI SMK Mutiara mengambil bahagian dalam kemahiran Housekeeping & Dekorasi Pulut

Kuning.

Lebih manis lagi, PPKI SMK Lajau berjaya mendapat tempat dalam kalangan 3 tempat terbaik daripada 16 buah negeri seluruh Malaysia. PPKI SMK Lajau mendapat Johan dalam kemahiran Pramusaji dengan mengalahkan Kedah dan Terangganu dengan masing-masing di tempat kedua dan ketiga. Manakala, Dekorasi Kek Pengantin Diraja berjaya merangkul tempat ketiga dalam karnival tersebut.



Dr Abdul Aziz Bari , EXCO Kerajaan Negeri Perak, menyampaikan Hadiah, dan sijil kepada, Waniera, dan Al shahdie, Johan Pertandingan Pramusaji

Gandingan mantap antara Mohd Al Shahdie bin Mohd Salleh dan Siti Waniera Safiyyah binti Herwan adalah gandingan terbaik yang dipertaruhkan oleh Labuan bagi merangkul Johan dalam kemahiran Pramusaji dalam karnival tersebut manakala Mohd Zulhilmi Hazim bin Sibidol dalam acara Dekorasi Kek Pengantin Diraja. Bagi kemahiran Seni Tekat, Labuan sekadar meraih tempat ke-9 dalam kemahiran tersebut.

Ini merupakan kejayaan terbaik yang pernah dirangkul oleh

Labuan khususnya PPKI SMK Lajau sejak karnival tersebut diperkenalkan sejak tahun 2014 lagi. Guru pembimbing Cikgu Nordiana binti Abdul Karim, Cikgu Zurinah Hj Daud & Cikgu Mazlinah Mohamed berkata, usaha gigih yang tidak kenal erti putus asa, semangat juang yang tinggi, disiplin, mendengar setiap arahan dan bimbingan daripada guru merupakan resepi kejayaan anak-anak didik kami. Kejayaan ini juga membuktikan bahawa anak-anak istimewa juga mampu membuktikan diri mereka dalam kalangan yang terbaik di peringkat kebangsaan dan bukannya hanya sekadar jaguh kampung.

Kejayaan manis yang terlakar ini juga menunjukkan kemenjadian murid dalam pendidikan khas dan menunjukkan bahawa mereka berada pada “kelas” mereka yang tersendiri. Usaha dan kerjasama yang berterusan dalam kalangan semua pihak adalah diharapkan bagi menambahbaik pencapaian murid-murid pendidikan khas pada masa akan datang.



Tahniah. Mohd Jamatin, Pengetua SMK Lajau, (berdiri, lima dari kiri) menyambut kepulangan pelajar PPKI SMK Lajau

Berikut adalah keputusan penuh yang melibatkan SMK Lajau bagi pertandingan tersebut :

Sekolah	SMK Lajau
Program/Aktiviti	KARNIVAL KEMAHIRAN PENDIDIKAN KHAS KEBANGSAAN 2018, IPOH PERAK DARUL RIDZUAN
Tarikh	22/10/2018
Anjuran	KPM
Kategori	Sekolah Menengah
Peringkat	Kebangsaan
Pencapaian	Johan Pramusaji
Nama Pelajar	1. MOHD AL SHAHDIE BIN MOHD SALLEH 2. SITI WANIERA SAFIYYAH BINTI HERWAN
Nama Guru Pengiring	NORDIANA BINTI ABDUL KARIM



Sekolah	SMK Lajau
Program/Aktiviti	KARNIVAL KEMAHIRAN KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS 2018, IPOH PERAK DARUL RIDZUAN
Tarikh	22/10/2018
Anjuran	KPM
Kategori	Sekolah Menengah
Peringkat	Kebangsaan

Pencapaian	Ketiga Dekorasi Kek
Nama Pelajar	MOHD ZULHILMI HAZIM BIN SIBIDOL
Nama Guru Pengiring	ZURINA HJ DAUD



Berita Oleh :
Encik Mohd Jamatin Abd. Latip
Pengetua SMK Lajau